

24/07/2002

Asean, AS sepakat banteras keganasan

KUALA LUMPUR, Isnin - Semua negara Asean akan menandatangani satu deklarasi dengan Amerika Syarikat bagi meningkatkan kerjasama membanteras keganasan antarabangsa.

Deklarasi itu akan ditandatangani sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean (AMM) ke-35 di Bandar Seri Begawan, Brunei dari 29 Julai hingga 1 Ogos ini, yang turut dihadiri Setiausaha Negara Amerika, Colin Powell.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata deklarasi itu berasaskan perjanjian yang ditandatangani Malaysia dan Amerika ketika lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Washington, Mei lalu.

"Isi kandungan (deklarasi itu) mengambil inspirasi apa yang telah kita buat di Washington. Pada mulanya Amerika bercadang menandatangani perjanjian dengan setiap negara Asean.

"Bagaimanapun, pada pandangan kita lebih elok dan kemas jika ia ditandatangani semua negara Asean sebagai satu deklarasi bersama untuk kita mengeratkan penukaran maklumat dan tindakan bersama bagi mengambil langkah yang dapat membanteras keganasan antarabangsa," katanya pada sidang akhbar mengenai perkara yang akan dibincangkan dalam AMM ke-35 di sini, hari ini.

Delegasi Malaysia yang diketuai Syed Hamid, akan disertai pegawai kanan dari Wisma Putra, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia serta Bank Negara Malaysia.

Selain membincangkan perkara berkaitan kepentingan bersama, AMM ke-35 juga dijangka menyentuh perkembangan semasa di Asia Barat, kedudukan Asean dengan Timor Timur.